




JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEWANGAN



KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tender ini adalah dipelawa kepada petender-petender yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang yang berkenaan bagi menyertai tender berikut:-

No. Tender	Tajuk	Jenis Tender	Tarikh dan Masa Taklimat	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Dan Masa Tender Ditutup
ANM 2/2013	Tender Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap Dan Pembersihan Kawasan Di Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan	Secara ePerolehan	Tarikh: 28 Februari 2013 (Khamis) Masa: 11.00 pagi Kehadiran ke sesi taklimat adalah DIWAJIBKAN .	Berdaftar dalam semua kod bidang berikut: <ul style="list-style-type: none">• 221002; DAN• 221003	Tarikh : 21 Mac 2013 (Khamis) Masa: 12.00 tengahari Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan

2. Petender yang berminat untuk menyertai tender adalah **diwajibkan** menghadiri sesi Taklimat Tender pada **28 Februari 2013 (Khamis) jam 11.00 pagi bertempat di Dewan Sri Buana, Institut Perakaunan Negara, Jalan 2, Sungai Lang, 45100 Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan**. Setiap Syarikat hanya dibenarkan diwakili oleh dua (2) orang sahaja. Tawaran Petender Yang **Gagal** Menghadiri Taklimat Tender **Tidak Akan Dipertimbangkan**.
3. Dokumen Tender boleh diperolehi melalui **Notis Iklan** bagi perolehan ini di Sistem ePerolehan (eP) bermula pada **25 Februari 2013 (Isnin)** dan syarikat adalah dinasihatkan untuk membaca dokumen tersebut sebelum menghadiri sesi taklimat di atas.
4. Petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah mendapatkan nombor rujukan yang dijana oleh Sistem eP secara percuma **semasa waktu pejabat** di alamat seperti di perenggan 5. Nombor rujukan ini boleh didapati selepas taklimat tender iaitu dari **28 Februari 2013** hingga **21 Mac 2013** dengan menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan** dalam bidang seperti di atas yang masih sah dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan untuk simpanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
5. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara atas talian melalui sistem eP serta dihantar secara manual dengan memasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti **tarikh dan masa** yang telah ditetapkan ke alamat seperti berikut:

**Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan,
Unit Kewangan, Aras 7,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya**

6. Petender adalah tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan. Petender yang menyertai tender tetapi didapati tidak mematuhi **semua** syarat dan terma yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak JANM juga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau sebarang tender.
7. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Jabatan ini ditalian **03-8882 1062 / 1498**.
8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web www.eperolehan.gov.my dan web www.anm.gov.my.